

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMR 101 - Estetika dan Apresiasi Seni

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Bincangkan definisi-definisi teater yang terdapat di dalam Modul 1, daripada segi kelebihan dan kekurangannya. Selepas itu cuba cadangkan satu definisi yang agak merangkumi kekurangan yang terdapat di dalam definisi-definisi tersebut.
(25 markah)
2. Bincangkan teater daripada aspek asal-usul dan fungsinya. Sejauh manakah fungsi-fungsi tersebut masih berfungsi dalam zaman mutakhir ini?
(25 markah)
3. Tuliskan satu esei mengenai perbedaan di antara drama dan teater berdasarkan sebuah persembahan yang anda pernah tontoni.
(25 markah)
4. Bincangkan perbedaan yang terdapat di antara Bunraku dan Wayang Kulit.
(25 markah)
5. Apakah sebab teater-teater tradisional di Malaysia semakin pupus dan cadangkan langkah-langkah yang patut diambil untuk menghidup dan menyemarakannya kembali.
(25 markah)
6. Apakah dia ciri-ciri yang menonjol di dalam bentuk-bentuk seni tradisional Timur?
(25 markah)
7. Tuliskan satu esei mengenai sebuah pementasan teater yang anda pernah tontoni, dengan memberi fokus kepada pengalaman estetika dan aspek-aspek pementasan yang mengagumkan anda.
(25 markah)
8. "Teater harus dijadikan salah satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah". Bincangkan kenyataan di atas samada anda setuju atau tidak.
(25 markah)

oooOooo